

NAZA peruntuk RM20j taja Taman Metropolis

➔ Program tanggungjawab sosial korporat perkasa, memelihara kawasan hijau di Lembah Klang

Oleh Nur Fatin Mohd Satar

bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Naza TTDI Sdn Bhd (Naza TTDI) memperuntukkan sebanyak RM20 juta bagi menaja Taman Metropolis, di Dutamas, di sini, untuk tempoh 15 tahun, yang menjadi sebahagian inisiatif KL Lebih Hijau (Greener KL).

Taman yang terletak di KL Metropolis berkeluasan 2 hektar, adalah sebahagian program proaktif tanggungjawab sosial korporat untuk memperkasa dan memelihara kawasan hijau di Lembah Klang.

Pengarah Urusan Kumpulan NAZA TTDI, SM Faliq SM Nasimuddin, berkata Taman Metropolis dijangka akan siap dan dibuka untuk kegunaan awam pada suku pertama 2018.

"Kita yakin taman yang dibangunkan dengan kemudahan canggih dan serba moden ini berupaya menarik minat pengunjung

terutama bagi mereka yang tinggal di KL Metropolis.

Lokasi pelbagai aktiviti

"Kawasan rimbunan ini mempunyai pusat maklumat dan dewan komuniti serta laman berbunga berkeluasan 2,508.4 meter persegi. Pengunjung dapat melakukan banyak aktiviti luar di sini.

"Taman Metropolis adalah sebuah lokasi luar yang unik di Kuala Lumpur kerana mempunyai amfiteater, taman arca, stesen kecerdasan kinetik, laluan jogging, taman permainan dan air, kawasan perkelahan, taman berteres serta laman acara," katanya pada Majlis Pecah Tanah Taman Metropolis di KL Metropolis, di sini, semalam.

Majlis pecah tanah disempurnakan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan disaksikan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk

Seri Mhd Amin Nordin Abdul Aziz.

SM Faliq berkata, Taman Metropolis terletak bersebelahan dengan Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (MI-TEC) satu komponen pertama KL Metropolis yang menjadi pusat pameran terbesar di Malaysia.

Sementara itu, Tengku Adnan berkata, Taman Metropolis adalah antara taman terbesar yang ditaja dan lebih penting adalah pendekatan proaktif NAZA TTDI terhadap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) demi melaksanakan inisiatif berkenaan.

"Saya harap lebih banyak organisasi swasta melaksanakan usaha yang sama pada masa hadapan. Kita sedia maklum bahawa, objektif kempen Kuala Lumpur Lebih Hijau adalah bertujuan menjadikan Kuala Lumpur sebuah metropolis sihat dan hijau supaya menarik lebih ramai pelabur serta pelancong asing," katanya.

Fakta
nombor

2 HEKTAR

keluasan Taman
Metropolis

2,508.4 METER

persegi kawasan
berbumbung serta
dewan komuniti

